

# Petugas barisan hadapan sedih tuduhan manipulasi data COVID-19

**Teknologi** digital membawa kita kepada kebebasan bersuara. Setiap orang boleh memiliki akaun media sosial masing-masing yang bertindak sebagai 'lidah' bagi seseorang itu bersuara.

Cakaplah apa pun yang kita nak cakap, pasti ia disiarkan kerana kitalah penulis, kitalah jurufoto, kitalah penganalisis dan kitalah editor kepada akaun media sosial sendiri.

Setiap orang harus menerima norma ini tanpa prejudis atau alasan lapuk. Zaman tidak akan statik pada kedudukan sama, pasti ia akan berubah dan pemikiran kita juga wajar turut sama-sama berubah.

Dalam situasi teknologi digital yang bersifat makro ini, tak kurang ada juga dalam kalangan penggunaannya yang bersikap kelancangan melampau. Ada yang sesedap rasa meragui fakta pihak berintegriti, menuduh rasuah dan pelbagai lagi.

Syukur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak lagi semudah itu menerima 'posting' tuduhan rasuah tanpa ada bukti kukuh di media sosial.

Kita pasti tidak akan lupa, bagai-

mana tuduhan liar diskriminasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) oleh seorang lelaki Bangladesh bernama Md Rayhan Kabir, sehingga kita terpaksa mengambil tindakan perundangan dan menghantarnya balik ke negara asal.

Terkini, tuduhan liar berlaku lagi tanpa asas dan usul periksa. Tanpa bertanya terus membuat kecaman terhadap kesahihan data dikemukakan jurucakap kerajaan untuk bidang kesihatan bagi COVID-19, iaitu Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang direka atau dibuat-buat.

Sudah tentu petugas barisan hadapan berdukacita apabila ada segelintir rakyat kita sendiri sanggup menuduh bahawa angka COVID-19 dilaporkan setiap hari itu hanya manipulasi.

Kerakusan mencari publisiti dengan tuduhan liar ini sangatlah tidak bertanggungjawab. Ia mematahkan semangat banyak pihak, terutama petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus demi negara siang dan malam.

Seluruh negara sebenarnya dalam satu pasukan memerangi COVID-19.

Orang politik juga membuat genjatan politik, tiba-tiba Kementerian Kesihatan (KKM) masih lagi diserang. Apa motifnya?

Adakah ini suatu pengkhianatan kepada perjuangan seluruh rakyat Malaysia dalam membanteras COVID-19?

Rupanya, dalam kita tidak boleh leka memerangi COVID-19, nampaknya kita juga perlu memerangi mereka yang rakus menabur fitnah dan tuduhan tak berasas sebegini.

Eloklah tahan segera dan siasat pengkhianat usaha murni membendung COVID-19 yang masih berbaki dalam negara kita. Polis wajar mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang memfitnah dan membuat tuduhan liar lagi tidak berasas terhadap agensi dan kementerian, terutama yang bertungkus-lumus membendung COVID-19.

**Ibrahim Md Syukri,**  
*Penjawat awam Putrajaya*

